

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 23 Jun 2021



KENYATAAN MEDIA
LAPORAN SURVEI PERBELANJAAN
PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR 2020


**Sektor ekonomi berbelanja 7.0 peratus lebih tinggi untuk perlindungan
alam sekitar pada 2019**

PUTRAJAYA, 23 Jun – Pemain industri di Malaysia membelanjakan RM2.89 bilion bagi tujuan perlindungan alam sekitar pada tahun 2019 iaitu 7.0 peratus lebih tinggi berbanding nilai yang dibelanjakan pada tahun 2018, menurut Laporan Perbelanjaan Perlindungan Alam Sekitar 2020. Prestasi ini sebahagian besarnya dipacu oleh perbelanjaan modal yang meningkat pada kadar pertumbuhan dua digit sebanyak 18.0 peratus. Sementara itu, perbelanjaan operasi mencatat pertumbuhan sederhana 3.0 peratus pada 2019. Survei ini menunjukkan bahawa perbelanjaan operasi merupakan penyumbang terbesar dengan 70.3 peratus, manakala 29.7 peratus dibelanjakan untuk perbelanjaan modal. Perbelanjaan perlindungan alam sekitar telah meningkat 28.6 peratus sejak 2014.


Perbelanjaan perlindungan alam sekitar, 2018-2019

	Jumlah 2018 (RM Bilion)	Jumlah 2019 (RM Bilion)	Kadar pertumbuhan tahunan (%)	Sumbangan (%)
Jumlah Perbelanjaan	2.70	2.89	7.0	100.0
Perbelanjaan Modal	0.73	0.86	18.0	29.7
Perbelanjaan Operasi	1.97	2.03	3.0	70.3


Mengulas laporan itu, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata pengurusan pencemaran mendominasi perbelanjaan perlindungan alam sekitar sebanyak RM2,021.2 juta atau 70.1 peratus. Ini diikuti oleh pengurusan sisa, RM751.7 juta (26.1%) dan penilaian & caj alam sekitar, RM64.9 juta (2.3%).



Ketua Perangkawan menyatakan sektor pembuatan kekal mendominasi perbelanjaan perlindungan alam sekitar pada tahun 2019, dengan nilai perbelanjaan sebanyak RM2,181.3 juta atau 75.6 peratus. Manakala sektor perkhidmatan berbelanja RM413.8 juta (14.3%) dan pembinaan RM161.2 juta (5.6 %).



Di peringkat negeri, Johor mencatatkan perbelanjaan perlindungan alam sekitar tertinggi pada 2019 iaitu RM678.5 juta, diikuti oleh Selangor (RM543.5 juta) dan Kuala Lumpur (RM292.6 juta). Tiga negeri ini menyumbang kepada 52.5 peratus daripada jumlah perbelanjaan.



Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

23 JUN 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, June 23rd 2021



MEDIA STATEMENT
REPORT ON THE SURVEY OF
ENVIRONMENTAL PROTECTION EXPENDITURE 2020


***Economic sectors spent 7.0 per cent higher for environmental protection
in 2019***

PUTRAJAYA, June 23 — Industry players in Malaysia spent RM2.89 billion for environmental protection expenditure in 2019 which is 7.0 per cent higher than the amount spent in 2018, as reported in the Environmental Protection Survey Report 2020. The performance was largely driven by the capital expenditure which accelerates at double digit growth of 18.0 per cent. Meanwhile, operating expenditure posted a moderate growth of 3.0 per cent in 2019. The survey shows that operating expenditure constitutes the largest share at 70.3 per cent, while 29.7 per cent was spent on capital expenditure. The environmental protection expenditure has increased by 28.6 per cent since 2014.


Environmental protection expenditure, 2018-2019

	Amount 2018 (RM Billion)	Amount 2019 (RM Billion)	Annual growth rate (%)	Share (%)
Total expenditure	2.70	2.89	7.0	100.0
Capital expenditure	0.73	0.86	18.0	29.7
Operating expenditure	1.97	2.03	3.0	70.3


Commenting on the report, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, said that pollution management dominated the environmental protection expenditure at RM2,021.2 million or 70.1 per cent. This was followed by waste management, RM751.7 million (26.1%) and environmental assessment and charges, RM64.9 million (2.3%).



The Chief Statistician added that manufacturing sector continues to dominate the environmental protection expenditure in 2019 with the value of RM2,181.3 million or 75.6 per cent. Meanwhile, services sector spent RM413.8 million (14.3%) and construction at RM161.2 million (5.6%).



As for state level, Johor spent the largest amount of environmental protection expenditure in 2019 with RM678.5 million, followed by Selangor (RM543.5 million) and Kuala Lumpur (RM292.6 million). These three states accounted for 52.5 per cent of the total expenditure.



The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is being conducted nationwide until 30th June 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

23rd JUNE 2021